



**LAPORAN PELAKSANAAN LATIHAN AUTOMASI PEJABAT (OA)  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**DISEDIAKAN OLEH  
UNIT AUDIO VISUAL & LATIHAN OA DAN TEKNIKAL  
22 DISEMBER 2008**

## **1.0 TUJUAN**

Laporan ini bertujuan untuk memberi makluman mengenai hasil pelaksanaan Latihan Automasi Pejabat KKM yang dianjurkan oleh BPM kepada warga KKM.

## **2.0 LATARBELAKANG**

Kementerian Kesihatan Malaysia sedang melaksanakan aktiviti-aktiviti Pelan Strategik Teknologi Maklumat (ISP) KKM mulai tahun 2006 hingga tahun 2010. Salah satu objektif *Information Technology Strategic Planning* (ISP) KKM ialah untuk meningkatkan literasi dan pembudayaan ICT warga KKM. Bagi mencapai objektif tersebut latihan ICT (Office Automation - OA) perlu diberikan kepada warga KKM. Sehubungan dengan itu perancangan latihan secara tersusun untuk warga KKM telah dibuat bagi memastikan semua kakitangan berkemahiran menggunakan pakej automasi pejabat dan sebagai persiapan untuk menangani cabaran ICT semasa.

## **3.0 KAEDAH PELAKSANAAN OA**

3.1 BPM adalah sebagai urusetia untuk mengendalikan Latihan OA KKM. Sasaran program ini ialah kepada seluruh warga KKM di sekitar ibu pejabat dan yang berdekatan.

3.2 Tempat atau lokasi adalah di bilik latihan BPM, dimana dapat memuatkan 18 peserta bagi setiap sesi.

3.3 Kurikulum bagi latihan OA adalah :-

3.3.1 Pengenalan Asas Kepada Komputer

3.3.2 MS Word (Asas) – 2003 dan 2007

3.3.3 MS Powerpoint (Asas) – 2003 dan 2007

3.3.4 MS Excel (Asas) – 2003 dan 2007

3.3.5 MS Project 2007

3.3.6 MS Sharepoint

3.3.7 Pengenalan Asas kepada Internet, Email dan Kerajaan Elektronik

3.4 Tenaga pengajar terdiri dari warga KKM dan vendor

3.5 Jadual Program bagi tahun 2008

Sesi	Tarikh	Tempat
1	12-13 Februari 2008	Bilik Latihan BTMK (18 Orang Setiap Sesi)
2	4-5 March 2008	
3	16-17 April 2008	
4	7-8 Mei 2008	
5	2-4 Jun 2008	
6	5-6 Jun 2008	
7	9 -11 Jun 2008	
8	16-17 Jun 2008	
9	23-25 Jun 2008	
10	26-28 Ogos 2008	
11	11-13 November 2008	

Jadual 1 : Tarikh dan Tempat Program

#### 4.0 PENILAIAN PESERTA TERHADAP PROGRAM


Skala penilaian yang digunakan di dalam borang BTMK.KKM.ISO.PS05.B01 adalah seperti berikut :-

- 1 **Amat Lemah**
- 2 **Lemah**
- 3 **Sederhana**
- 4 **Baik**
- 5 **Sangat Baik**

Penilaian di bahagikan kepada 2 kategori iaitu Penceramah Dalaman dan Penceramah Luar

#### 4.1 Penceramah Dalam

##### 4.1.1 Penilaian Terhadap Isi Kandungan Program/Kursus



Purata Skala Penilaian : **BAIK**

### 4.1.2 Penilaian Terhadap Pengajar Program/Kursus



Purata Skala Penilaian : **BAIK**


### 4.1.3 Taksiran Am



Purata Skala Penilaian : **BAIK**


## 4.2 Penceramah Luar

### 4.2.1 Penilaian Terhadap Isi Kandungan




Purata Skala Penilaian : **BAIK**

### 4.2.2 Penilaian Terhadap Pengajar Program/Kursus



Purata Skala Penilaian : **BAIK**

### 4.2.3 Taksiran Am



Purata Skala Penilaian : **BAIK**

## 5.0 CADANGAN / KOMEN

Terdapat banyak cadangan dan komen dari peserta-peserta yang mengikuti latihan OA antaranya seperti berikut :

- 5.1 Bahan pengajaran harus disediakan dengan tepat dan diperiksa semula sebelum digunakan.
- 5.2 Dilanjutkan selama 3 hari supaya dapat faham lebih jelas.
- 5.3 Kursus ini patut diteruskan kepada yang kurang mengetahui IT.
- 5.4 Diperluaskan kepada semua gred jawatan
- 5.5 Adakan lebih kerap lagi.
- 5.6 Adakan untuk semua warga KKM terutama yang baru dan ketua-ketua jabatan.
- 5.7 Masa dipanjangkan dan diadakan diluar kawasan.
- 5.8 Sediakan tempat tinggal bagi peserta dan biskut sahaja untuk *tea break*.
- 5.9 Tenaga pengajar kurang mesra. Bilik latihan terlalu sejuk, suhu bilik disesuaikan dgn proses pembelajaran
- 5.10 Ada kesangsian yang MS Project digunakan secara meluas diperingkat negeri-negeri.
- 5.11 Sukatan komprehensif dan sukatan pelajaran yang bagus.
- 5.12 Adakan Kursus MS Excel untuk *advance level* yang relevan dengan skop tugas pegawai.

## 7.0. ULASAN URUSETIA

Kursus ini terbuka kepada semua gred jawatan. Tidak semua tenaga pengajar yang kurang mesra. Masa yang diberikan selama 3 hari adalah cukup jika peserta memberi tumpuan yang sepenuhnya. Perancangan untuk mengadakan kursus ini dengan lebih kerap telah dibuat. Ini memandangkan sambutan dari warga KKM amat menggalakkan. Pada keseluruhannya peserta berpuas hati dengan program yang diadakan ini kerana mereka mendapat pengetahuan dan perkembangan terkini dari segi ICT.

## 8.0 PENUTUP

Kertas ini diangkat untuk makluman.